



AMANAH SAHAM	HARGA/NAB				
ASIM	1.0000	ASB	1.0000	ASG	
ASN	0.8865	ASW 2020	1.0000	PENDIDIKAN	1.1011
ASN2	0.6729	ASM	1.0000	KESIHATAN	1.1767
ASN3	1.2063	ASLM	1.0000	PERSARAAN	1.2483

Danainfra bakal terbit sukuk

PETALING JAYA - MRT Corporation menjangkakan Danainfra Nasional Berhad (Danainfra) akan menerbitkan satu lagi pusingan sukuk pada akhir tahun ini bagi membiayai projek MRT Sungai Buloh-Kajang.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corporation, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid berkata, nilai unjuran sukuk itu akan bergantung kepada keper-



WIRA AZHAR

luan aliran tunai syarikat pada masa itu.

"Buat masa ini, dana yang diperoleh melalui sukuk berjumlah RM11 bilion dan sehingga 30 Jun lalu, kami membelanjakan kira-kira RM8.03 bilion daripadanya untuk membayar kontraktor, rakan pelaksana projek, yuran juru-

tera perunding, penyelia projek serta insurans.

"Pusingan kedua terbitan sukuk tidak terlalu besar memandangkan masih ada baki dana daripada terbitan sebelumnya. Kami cuba sedaya upaya untuk mengawal perbelanjaan," katanya pada sidang akhbar mengenai perbelanjaan projek MRT di sini semalam.

Danainfra merupakan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, ditubuhkan untuk tujuan khusus sebagai jentera pembiayaan sosial untuk kerajaan mencari dana bagi membiayai projek infrastruktur.

Secara keseluruhan, Azhar berkata, kira-kira RM30 bilion dijangka dibelanjakan untuk projek MRT.

Mengenai kontrak baharu, beliau menerangkan, terdapat tujuh pakej kerja kecil bernilai kira-kira RM300 juta yang akan di tender pada akhir tahun ini termasuk perabot pejabat dan pakej lampu LED.

Mengenai perkembangan MRT, syarikat mengumumkan bahawa sehingga 30 Jun lalu, kemajuan keseluruhan kerja bawah tanah sudah 63.34 peratus siap, manakala kemajuan tero-

wong siap 65.9 peratus.

Mengenai perjanjian antara MRT Corporation, sebagai pemilik dan Syarikat Prasarana Negara Berhad yang dilantik oleh kerajaan sebagai pengendali, Azhar berkata, belum ada keputusan muktamad diputuskan.

"Kami sudah mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah mengenai perkara itu dan akan ada beberapa jenis perjanjian antara kedua-dua pihak mengenai kaedah pengendalian infrastruktur MRT.